

# Akademi!

Kosmo 13/3/07 ms 32-33

# KUIS pemangkin trad

KUIS tidak sahaja mahu melahirkan graduan terpelajar malah berilmu, berakhlak mulia dan memiliki kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia globalisasi.

**K**ETIKA beroperasi pada 1995, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), dahulunya dikenali sebagai Kolej Islam Selangor Darul Ehsan, hanyalah sebuah kolej yang sederhana.

Dengan cuma 60 orang pelajar, ia beroperasi di bangunan sementara di bekas Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah Shah Alam dengan menawarkan program Diploma Pengajian Islam dengan pendidikan dan beberapa pengkhususan lain seperti Dakwah, Usuluddin, Syariah serta Al-Quran dan As-Sunnah.

Ia ditubuhkan demi memartabatkan pendidikan tinggi Islam di Selangor sebagai kesinambungan sistem pendidikan agama yang diasaskan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Dipengerusikan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dalam Lembaga Pengarah KUIS, ternyata Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan komitmen dan sokongan padu kepada agenda pembangunan pendidikan KUIS melalui peruntukan sejumlah dana dan sebidang tanah seluas 41.6 hektar bagi tujuan pembinaan kampus tetap KUIS di Bandar Seri Putra, Bangi.

Keseluruhan operasi kemudiannya berpindah ke kampus baru di Bandar Seri Putra pada Jun 2000 dan upacara perasmianya disempurnakan oleh Sultan Selangor DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 25 Mei 2002.

Setelah sedekad meniti arus cabaran industri pendidikan tinggi, pada 1 Januari 2005, KUIS mencipta sejarah yang cukup membanggakan apabila ia dinaik taraf sebagai Kolej Universiti oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Perubahan status itu bukan sahaja membolehkannya menawarkan pelbagai program ijazah dwipengkhususan malah setelah sedekad beroperasi sebagai institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), ia cukup yakin dan jelas dengan visi, misi dan fokusnya sendiri.

### Visi, misi dan fokus KUIS

Bervisikan untuk memartabatkan pendidikan tinggi berteraskan ilmu Islam, KUIS tidak sahaja mahu melahirkan graduan terpelajar malah berilmu, berakhlak mulia dan memiliki kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia globalisasi.

Misinya pula bertekad ke arah mencapai kecemerlangan pengurusan, akademik dan sahsiah pelajar melalui penggunaan teknologi terkini dan perkhidmatan berkualiti berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Falsafah yang didukungnya adalah kesepaduan antara ilmu, iman dan amal menjadi dasar ke arah melahirkan insan bertaqwa dan berketerampilan untuk menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Ia juga mahu mendidik generasi ummah supaya menjadi insan soleh melalui dasar pendidikan yang berteraskan ilmu naqli dan aqli yang berpaksikan tauhid untuk melahirkan generasi profesional yang seimbang bagi menghadapi cabaran zaman.

Fokus lima tahunnya adalah untuk



REKA BENTUK bangunan bercirikan seni bina Islam menjadi lambang kemegahan KUIS.

memperkasakan status kolej universiti, kecemerlangan akademik dan pengurusan berkualiti, mencapai tahap institusi berdikari serta melengkapkan pembangunan prasarana fasa ketiganya.

Menurut Timbalan Rektornya (Pembangunan Korporat & Pengantarabangsaan), Mohd Shah Abdullah, dengan status Kolej Universiti, KUIS sentiasa komited dalam menyediakan prasarana pembelajaran dan pengajaran (P&P) agar setiap pelajarinya berupaya membina kecemerlangan diri.

Katanya, selaras dengan tuntutan pasaran kerja semasa dan perkembangan ilmu dalam bidang sains dan teknologi, pelbagai bidang pengajian bertaraf diploma yang menekankan kepada prinsip dan falsafah kesepaduan ilmu ditawarkan.

Ia merangkumi disiplin ilmu-ilmu Pengajian Islam, selain ilmu-ilmu moden seperti Perakaunan, Perbankan, Teknologi Maklumat dan Multimedia, Pengurusan Sumber Manusia, Komunikasi, Ekonomi dan Kejururawatan.

### Pencapaian

Sejak awal penubuhannya, Mohd Shah berkata, KUIS sentiasa memastikan setiap program yang ditawarkan menepati piawaian dan kualiti akademik yang diiktiraf di dalam dan di luar negara.

Justeru, katanya, KUIS hanya menawarkan program-program diploma dan ijazah yang telah mendapat kelulusan minimum daripada Jabatan Pendidikan Swasta (JPS), Kementerian Pengajian

Tinggi.

Dalam memastikan kualiti kurikulum, silibus, bahan dan kemudahan P&P memenuhi piawaian tersebut, KUIS sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) semasa proses penilaian bagi mendapatkan perakuan akreditasi



KAWASAN di tepi tasik yang tenang menjadi

isi ilmu



secara rasmi.

Sehingga kini, sebanyak 16 program diploma KUIS diiktiraf dan diperakukan oleh LAN manakala enam program ijazah mendapat kelulusan mengendali dari JPS.

Berkat komitmen dan kesungguhan KUIS dalam menjamin mutu dan kualiti diploma yang dikeluarkan, KUIS turut dipilih sebagai IPTS yang mempunyai program akreditasi LAN terbanyak pada tahun 2003.

Satu lagi pencapaian yang membanggakan KUIS ialah apabila ia berjaya mendapat persijilan MS ISO 9001:2000 bagi skop perkhidmatan pendidikan tinggi di peringkat diploma daripada SIRIM pada Oktober 2003.

"Lebih bermakna lagi setelah KUIS muncul sebagai IPTS Islam pertama yang menerima persijilan tersebut di atas sumbangannya dalam memastikan kesinambungan kecemerlangan dan kualiti pendidikan," katanya.

Malah, menurut Mohd Shah, Sistem Pengurusan KUIS turut diiktiraf sebagai berjaya mendapat tempat ketiga Anugerah Kualiti MB pada tahun 2005 yang jelas membuktikan KUIS sememangnya menitikberatkan aspek kualiti dalam pengurusanannya.

Menerusi persijilan ini, beliau berkata, KUIS mampu melangkah dengan penuh yakin dan bergaya di arena antarabangsa sesuai dengan status antarabangsa yang dimilikinya.

Apatah lagi dengan kelulusan yang diberikan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada KUIS bagi membolehkan program-program diploma ditawarkan kepada pelajar-pelajar antarabangsa.

Justeru, sesi akademik Mei 1999 telah menyaksikan kumpulan pertama pelajar antarabangsa seramai 12 orang dari Republik Singapura mendaftar untuk mengikuti pengajian diploma.

Setakat ini, daripada 3,500 pelajar, terdapat kira-kira 200 pelajar mewakili 12



TERDAPAT sembilan blok qaryah kediaman untuk pelajar yang layak di KUIS.

negara, antaranya negara-negara ASEAN, Afrika dan China yang berminat dengan sistem pendidikan KUIS.

### Jalanan dan kerjasama antarabangsa

Mohd Shah berkata, KUIS turut mengerat dan memeterai jalinan dan kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan di peringkat antarabangsa dengan beberapa institusi tersohor dunia.

Antaranya ialah Universiti Al-Azhar dan Universiti Kaherah di Mesir, Universiti Yarmouk di Jordan, University of Leeds Metropolitan dan University of Central Lancashire, United Kingdom dan terbaru di Dublin Business School, Ireland serta University of Damascus, Syria.

Selain itu, kerjasama akademik turut diadakan dengan Madrasah Al-Sagoff dan Institut Al-Zuhri di Singapura dan Santichon Islamic School di Bangkok bagi tujuan memperkukuhkan lagi agenda pendidikan Islam di rantau ini.

Di dalam negara pula, Mohd Shah berkata, pada Mei ini, KUIS akan memulakan francais program Diploma Syariah dan Diploma Perundangan Syariah dengan Kolej Teknologi Darul Naim Kelantan.

Beliau menjelaskan, KUIS juga menganjurkan beberapa khidmat sosial, antaranya ialah jalinan kerjasama dengan RISEAP dalam mengendalikan Kem Latihan Remaja Muslim Hong Kong selama tiga bulan dan Kursus Penghayatan Islam

anjuran bersama KUIS-RISEAP kepada Muslimah Thailand.

Demi kecemerlangan pembelajaran pelajarannya, KUIS menyediakan bilik kuliah dilengkapi kemudahan LCD dengan 40 hingga 50 muatan, empat dewan kuliah dengan 200 kapasiti dan auditorium.

Turut tersedia ialah perpustakaan dengan jumlah koleksi judul sebanyak 40,000, lapan makmal komputer dilengkapi kemudahan internet secara percuma dan makmal kejururawatan dengan kemudahan asas kejururawatan bagi tujuan latihan amali.

Ia juga menyediakan sembilan blok qaryah kediaman kepada pelajar yang layak dengan bayaran RM4.00 sehari, lengkap dengan kemudahan asas seperti dobi, kafetaria, kafe siber, kemudahan ATM dan kedai koperasi.

Selain itu, Pusat Rawatan Ibnu Sina yang menyediakan klinik rawatan untuk pelajar dan kakitangan KUIS beroperasi lima hari seminggu dengan menugaskan dua orang doktor yang berkelayakan untuk mengendalikan kes-kes minor.

Untuk keselesaan pelajar, terdapat enam buah kafetaria, tiga terletak di tepi tasik untuk mereka yang ingin menikmati pemandangan tasik sambil menjamu selera. Tiga lagi terletak di bangunan pentadbiran.

Unit Perhubungan Antarabangsa pula diwujudkan semata-mata untuk mengendalikan hal-hal berkaitan pelajar antarabangsa seperti promosi, kemasukan, pasport, visa serta kebajikan.

### Pembiayaan pendidikan

Mohd Shah berkata, hampir 80 peratus pelajar KUIS menerima biasiswa dan pinjaman.

Pinjaman turut disediakan oleh PTPTN, MARA, dermasiswa Kerajaan Negeri, Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, SUK Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor dan bank-bank tempatan.

Selaras dengan keperluan status Kolej Universiti, beliau berkata, KUIS menasaskan jumlah pelajar seramai 10,000 orang menjelang 2010.

Untuk itu, katanya, pembangunan infrastruktur fasa ketiga sedang giat dijalankan meliputi pembinaan tambahan blok-blok akademik, Pusat Kemudahan Pelajar, apartmen kediaman pelajar dan perpustakaan.

Menurutnya, sepanjang tahun 2004 dan 2005, pelbagai projek pembinaan dan pembangunan melibatkan keperluan P&P dijalankan. Antaranya ialah pembinaan makmal kejururawatan bagi keperluan program Diploma Kejururawatan yang mula ditawarkan pada sesi November



Ilmiah pelajar untuk mengadakan sesi perbincangan berkumpulan.

**Akademi!**

www.akademi.org

2004.

"Makmal ini menyediakan keperluan asas kejururawatan kepada pelajar bagi menjalani latihan praktikal sebelum mengikuti latihan klinikal di hospital," katanya.

Selain itu, beliau berkata, sebuah mahkamah *moot* turut dibina bagi memenuhi keperluan program Diploma Syariah dan Perundangan Islam yang juga memberi peluang bagi pelajar untuk menjalani praktis perundangan.

Bagi mewujudkan suasana kampus yang tenang dan sesuai dengan proses pembelajaran, beberapa buah wakaf/gazebo dibina untuk tujuan rekreasi di sekeliling kampus.

"Kampus KUIS yang mesra alam juga dilengkapi kemudahan internet tanpa wayar yang membolehkan para pelajar mengakses internet di mana-mana sahaja," ujar beliau.

Dari segi pengambilan pelajar baru, ia dilakukan dua kali setahun iaitu pada bulan Mei dan September. Permohonan boleh dibuat secara sistem *online* [www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my) atau sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Jabatan Pembangunan Korporat dan Pengantarabangsaan KUIS di talian, 03-8925 4251 samb. 1122/1104.

Mohd Shah berkata, seramai 1,365 orang pelajar telah mendaftar pada sesi akademik 2005/2006 berbanding 1,053 orang pelajar pada sesi akademik 2004/2005.

Beliau menjelaskan, KUIS telah memperkenalkan program ijazah pada sesi akademik 2005/2006 dengan pengambilan pertama pelajar seramai 70 orang.

"KUIS juga sentiasa berusaha membina jaringan bestari dalam bidang akademik dan pendidikan demi kelangsungan kecemerlangan dan kemajuan.

Kerjasama industri juga dipergiatkan agar *survival* KUIS berjalan seiring dengan perkembangan industri semasa," katanya.

Untuk itu, beberapa siri lawatan dan perbincangan akademik dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di dalam atau di luar negara giat diatur bagi merancang dan melaksanakan kerjasama akademik tersebut.

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor membelanjakan kira-kira RM107 juta bagi pembangunan prasarana KUIS di mana RM83 juta sepanjang fasa pertama dan RM24 juta dalam fasa kedua.

Langkah ini merupakan sebahagian daripada sumbangan Kerajaan Negeri termasuk Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke arah membangunkan modal insan bagi keperluan negara.

Sehingga ini, KUIS, dengan kampus seluas kira-kira 40 hektar, ketika ini mempunyai 3,200 pelajar yang mengikuti pengajian di lima fakulti yang menawarkan tujuh program pengajian ijazah Sarjana Muda dan 17 kursus diploma.

KUIS juga mempunyai alumni lebih 2,000 siswazah dalam pelbagai disiplin.

Mohd Shah berkata, menjelang 2010, diharapkan daripada 9,000 orang pelajar yang diunjurkan pada masa itu, sebanyak 45 peratus daripadanya adalah pelajar asing.

Sejajar dengan moto 'Pemangkin Tradisi Ilmu', beliau berkata, KUIS akan terus memacu ke hadapan membina peradaban ummah yang cemerlang dan tetap teguh mengekalkan misi serta falsafah dalam membangunkan intelektual dan kebolehan kreatif para graduan.

Hakikatnya, tiada yang mustahil seandainya seluruh warga KUIS memahami dan menghayati visi dan misi KUIS dan tidak hairan juga jika KUIS merupakan salah satu destinasi pendidikan yang sesuai untuk meneruskan pengajian di peringkat tinggi.  
- Bernama

**KUIS akan terus memacu ke hadapan membina peradaban ummah yang cemerlang dan tetap teguh mengekalkan misi serta falsafah dalam membangunkan intelektual dan kebolehan kreatif para graduan**



MOHD SHAH  
ABDULLAH